

03/08/2001

MBM cadang 15 pendekatan tangani masalah remaja

KUALA LUMPUR, Khamis - Majlis Belia Malaysia (MBM) mencadangkan 15 pendekatan untuk menangani isu dan permasalahan sosial remaja hari ini, menerusi memorandum khas yang akan diserahkan kepada Kabinet.

Presiden MBM, Saifuddin Abdullah, berkata memorandum berkenaan merangkumi langkah strategik jangka pendek dan sederhana, akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok.

"MBM berharap memorandum ini dapat dibincangkan pada sesi khas Kabinet mengenai masalah sosial remaja, 8 Ogos ini," katanya kepada pemberita ketika membincangkan kandungan memorandum itu di sini, hari ini.

Saifuddin berkata, antara langkah jangka pendek yang dicadangkan ialah membuat kajian mengenal pasti punca masalah sosial sebenar remaja kini.

Katanya, langkah lain yang dicadangkan ialah menilai semula Program Induk Tindakan Sosial Negara (Pintas) dan penggubalan Dasar Sosial Negara.

"MBM juga mahu supaya pendekatan menangani masalah sosial remaja dilaksanakan secara bersepadu.

"Dalam hal ini, kami mencadangkan pendekatan `5P' iaitu pendidikan, pencegahan, pencelahan, pemulihan dan penerimaan semula," katanya sambil menambah, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Belia juga perlu diwujudkan selain menggubal serta melaksanakan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Negara 2001 hingga 2010.

Langkah strategik jangka sederhana, katanya, termasuk penyeragaman semula institusi agama, memantapkan fungsi kepimpinan melalui teladan, pengukuhan institusi keluarga dan pembangunan program jati diri.

(END)